



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSONALITI DAN TAHAP PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH

SITI NOR AIN BINTI IBRAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara personaliti dan prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah berdasarkan lima item yang terdapat dalam model personaliti *Big Five* berpandukan teori personaliti Eysenck dan satu item prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah yang mengajar disekolah kementerian Pelajaran Malaysia daerah Manjung, Perak. Pendekatan kuantitatif melalui kajian kes instrumental digunakan. Sampel kajian yang dipilih secara rawak terdiri daripada 56 orang guru prasekolah yang mengajar kanak-kanak enam tahun. Data yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis dengan statistik deskriptif dan analisis korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan tahap personaliti *Big Five openness* ($M=3.70$, $SP=0.43$) adalah tahap paling tinggi dan diikuti dengan *conscientiousness* ($M=3.60$, $SP=0.30$), *extroversion* ($M=3.50$, $SP=0.40$), *agreeableness* ($M=3.34$, $SP=0.50$) dan *neuroticism* ($M=3.31$, $SP=0.60$) serta tahap bagi prestasi kerja adalah ($M=3.80$, $SP=0.44$). Kajian ini menunjukkan kesemua ciri personaliti *Big Five* tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja, dimana *extroversion* dan prestasi kerja ($r=-0.079$, $p=0.533$) diikuti *agreeableness* ($r=-0.049$, $p=0.515$), *conscientiousness* ($r=-0.173$, $p=0.190$), *neuroticism* ($r=-0.005$, $p=0.969$) dan *openness* ($r=-0.056$, $p=0.672$). Sebagai kesimpulan, kajian menunjukkan semua lima ciri personaliti *Big five* tidak berhubungan secara positif dan tidak signifikan, ciri personaliti ini dapat ditingkatkan dan guru prasekolah haruslah mempunyai personaliti yang menarik dan melalui ciri personaliti ini, guru prasekolah dijadikan sebagai sumber rujukan kepada ibu bapa dan pihak-pihak tertentu. Implikasi kajian menunjukkan tiga aspek utama mengikut tahap ciri personaliti *Big Five* iaitu *openness*, *conscientiousness* dan *extroversion* tidak berhubung dengan prestasi kerja sebaliknya prestasi kerja sampelkajian dipengaruhi oleh factor demografi, Justeru, saranan dalam meningkatkan ciri personality dan tahap prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah; pemilihan calon guru prasekolah serta kandungan latihan di institusi-institusi perguruan perlulah mengikut tahap ciri personality *Big Five* dalam melahirkan guru yang lebih cemerlang.





PERSONALITY TO LEVEL OF PERFORMANCE AMONG PRESCHOOL TEACHER

ABSTRACT

The research aims to identify the relationship between personality and work performance among preschool teachers based on five items of Big Five personality model based on the theory of personality Eysenck and one item of performance among the Ministry of Education Malaysia district Manjung, Perak. The Quantitative approach were used. The samples randomly selected with of preschool teacher in the consists of 56 preschool teachers who teach children aged six year olds. The data obtained through the questionnaire were analyzed by descriptive statistics and Pearson correlation analysis. The findings showed the level of personality Big Five openness (M=3.70, SP=0.43) is the highest level and followed by conscientiousness (M=3.60, SP=0.30), extroversion (M=3.50, SP= 0.40), agreeableness (M= 3.34, SP=0.50) and neuroticism (M=3.31, SP=0.60) and the level of job performance is (M=3.80, SP=0.44). This research shows that all personality characteristics of Big Five have no significant relationship with work performance, where extroversion and work performance ($r = -0.079$, $p = 0.533$) followed by agreeableness ($r = -0.049$, $p = 0.515$), conscientiousness ($r = 0.173$, $p = 0.190$), neuroticism ($r = -0.005$, $p = 0.969$) and openness ($r = -0.50$, $p = 0.672$), all of which are negatively associated. In conclusion, the study shows that the five personality characteristics of Big five are not related positively and insignificant. These personality traits can be enhanced and preschoolers should have an interesting personality and through this personality character, preschoolers are used as a source of reference to parents and parents, certain parties. The implications of the study show three main aspects according to the level of the Big Five personality traits, namely openness, conscientiousness and extroversion in improving personality traits and performance level among preschool teachers were not associated and were influenced by demographic factor. Therefore, it is recommended that these personality traits among preschool teachers can be enhanced using the Big Five Model in selectionof preschools and its content in thee teaching institutions to dilever a great personality teacher.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Personaliti Guru Terhadap Kanak-Kanak	12
1.8 Kerangka Konsep	15
1.9 Batasan Kajian	16
1.10 Definisi Istilah Dan Operasi	17

1.10.1	Personaliti	17
1.10.2	Prestasi Kerja	20
1.10.3	Guru Prasekolah	21
1.11	Rumusan	21

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Kerangka Teori Personaliti	24
2.3	Teori-teori Personaliti	26
2.3.1	Teori Personaliti <i>Eysenck</i>	26
2.4	Konsep Personaliti	30
2.4.1	Model Personaliti <i>Big Five</i>	30
2.5	Tinjauan Kajian-Kajian Lepas	35
2.5.1	Kajian Mengenai Personaliti dengan Prestasi Kerja Guru Prasekolah.	35
2.6	Rumusan	41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	43
3.4	Instrumen Kajian	45
3.4.1	Bahagian A: Demografi Sampel	46
3.4.2	Bahagian B: <i>Big Five Inventory</i>	47
3.4.3	Bahagian C: Skala Prestasi Kerja Guru	51

3.5	Prosedur Kajian	54
3.6	Kajian Rintis	56
3.6.1	Kesahan	56
3.6.2	Kebolehpercayaan	57
3.7	Analisis Data Kajian	58
3.7.1	Min	61
3.7.2	Korelasi Pearson	61
3.8	Rumusan	62

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	63
4.2	Huraian Latar Belakang Sampel	64
4.2.1	Umur	64
4.2.2	Jantina	65
4.2.3	Bangsa	66
4.2.4	Kelayakan Akademik	66
4.2.5	Pengalaman Mengajar	67
4.3	Ujian Deskriptif dan Persoalan Kajian	68
4.3.1	Persoalan Kajian 1 : Apakah ciri-ciri personaliti <i>Big Five</i> (<i>extraversion, agreeableness, conscientiousness, Conscientiousness, neuroticism</i> dan <i>openness</i>) dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Manjung, Perak?	68
4.3.2	Persoalan Kajian 2 : Apakah Tahap Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di daerah Manjung, Perak?	70
4.4	Statistik Inferensi	71
4.4.1	Ujian Normaliti	71

4.5	Ujian Berdasarkan Persoalan dan Hipotesis Kajian	73
4.5.1	Persoalan Kajian 3 : Adakah Terdapat Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five</i> dengan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru Prasekolah di daerah Manjung, Perak?	73
4.5.1.1	Adakah Terdapat Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Extroversion</i> dengan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru Prasekolah?	74
4.5.1.2	Adakah Terdapat Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Agreeableness</i> dengan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru Prasekolah?	75
4.5.1.3	Adakah Terdapat Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Conscientiousness</i> dengan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru Prasekolah?	76
4.5.1.4	Adakah Terdapat Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Neuroticism</i> dengan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru Prasekolah?	77
4.5.1.5	Adakah Terdapat Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Openness</i> dengan Prestasi Kerja dalam Kalangan Guru Prasekolah?	78
4.6	Rumusan Analisis Dapatan Kajian	79
4.7	Rumusan	80

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

KAJIAN

5.1	Pengenalan	81
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	82
5.2.1	Perbincangan Hasil Kajian Berkenaan dengan Mengenal Pasti Ciri-Ciri Personaliti <i>Big Five (extroversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism dan openness)</i> dalam Kalangan Guru Prasekolah di daerah Manjung, Perak	83

5.2.2	Perbincangan Hasil Kajian Berkenaan dengan Tahap Prestasi Kerja Guru (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di daerah Manjung, Perak.	87
5.2.3	Perbincangan Hasil Kajian Berkenaan dengan Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five</i> dengan Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) Guru Guru Prasekolah di daerah Manjung, Perak	88
5.3	Implikasi Kajian	92
5.4	Cadangan Kajian	94
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	96
5.6	Kesimpulan Kajian	98
RUJUKAN		102
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Ciri-ciri Personaliti <i>Big Five</i>	31
3.1	Penetapan Saiz Sampel (Kriejcie dan Morgan 1970)	45
3.2	Instrumen Latar Belakang Kajian	47
3.3	Adaptasi Instrumen <i>Big Five Inventory</i>	48
3.4	Item Personaliti <i>Big Five</i>	51
3.5	Penskoran Item Positif dan Nagnetif	51
3.6	Instrumen Prestasi Kerja Guru Prasekolah (Penghasilan Kerja)	52
3.7	Taburan Item Prestasi Kerja Guru Prasekolah (Penghasilan Kerja)	53
3.8	Penskoran Item Prestasi Kerja Guru Prasekolah (Penghasilan Kerja)	53
3.9	Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i>	57
3.10	Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Kajian	58
3.11	Ringkasan Analisis Data Kajian	59
3.12	Penskoran Nilai Min Richard L, Lervin dan David	61
3.13	Penskoran Nilai Pekali Korelasi <i>Pearson</i>	62
4.1	Peratusan Umur Sampel	65
4.2	Peratusan Jantina Sampel	65
4.3	Peratusan Bangsa Sampel	66
4.4	Peratusan Kelayakan Akademik Sampel	67
4.5	Peratusan Pengalaman Tahun Mengajar Sampel	67



4.6	Skor Keseluruhan Min Personaliti <i>Big Five</i>	68
4.7	Analisis Tahap Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah	70
4.8	Analisis Ujian Normaliti	72
4.9	Analisis Korelasi Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Extroversion</i> Dengan Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Manjung, Perak	74
4.10	Analisis Korelasi Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Agreeableness</i> dengan Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Manjung, Perak	75
4.11	Analisis Korelasi Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Conscientiousness</i> dengan Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Manjung, Perak	76
4.12	Analisis Korelasi Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Neuroticism</i> dengan Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Manjung, Perak	77
4.13	Analisis Korelasi Hubungan Antara Personaliti <i>Big Five Openness</i> dengan Prestasi Kerja (Penghasilan Kerja) dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Manjung, Perak	78
4.14	Ringkasan Keseluruhan Analisis Dapatan Kajian.	79





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual	15
2.1	Kerangka Teori Personaliti Eysenck 1947	25
2.2	Hieraki Teori Eysenck	28
3.1	Prosedur Kajian	55





SENARAI SINGKATAN

APA	<i>American Psychological Association</i>
SGM	Standard Guru Malaysia
BFI	<i>Big Five Inventory</i>
BJPA	Borang Jabatan Perkhidmatan Awam
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GPA	<i>Grade Point Average</i>
IPGTAR	Institusi Pererguruan Tuanku Abdul Rahman
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Personaliti amat penting kepada setiap individu. Bagi individu bergelar guru prasekolah, mereka akan dijadikan *role model* dalam kalangan murid-murid mereka. Personaliti seorang guru sering dikaitkan dengan keterampilan dan tahap keyakinan diri mereka. Guru prasekolah harus menitikberatkan personaliti dan keterampilan yang menarik merupakan peranan penting untuk menarik perhatian kanak-kanak sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran harian.





Personaliti guru yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah seorang guru yang mempunyai jenis personaliti yang berkuasa dan mampu menarik perhatian serta minat murid-murid mereka, ianya juga dikaitkan dengan sistem pendidikan yang terdapat di negara dengan menjadikan sistem pendidikan sebagai tunjang dalam penyediaan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada anak-anak bangsa sejak dulu lagi (Abdul Razak, 2013).

Selain itu, kajian ini juga melihat prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah melalui penilaian prestasi yang diwujudkan kepada kakitangan kerajaan. Melalui personaliti yang diketengahkan oleh pengkaji iaitu pengkaji menggunakan model personaliti *Big Five* yang dicetuskan oleh (Allport, 1961). Jika dilihat berkenaan dengan personaliti individu, ianya dapat dikaitkan dengan potensi dan bakat yang boleh dikembangkan serta dipertingkatkan lagi untuk menjadi seorang guru yang berkesan dalam pelbagai bidang dan dapat memberi impak kepada perkembangan dan pertumbuhan fizikal, kognitif, psikomotor dan emosi (Zulelawati & Yusni, 2015).

Hal ini dapat dilihat, apabila seseorang guru prasekolah mempunyai sifat kreativiti dan inovasi yang tinggi proses pengajaran dan pembelajaran, ianya dapat mewujudkan suasana pengajaran yang kondusif seperti pengajaran guru menjadi lebih seronok, diminati dan dapat meninggalkan kesan kepada kanak-kanak dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi kanak-kanak dalam sesi pembelajaran. Hal ini, dapat meningkatkan prestasi kerja guru terutamanya guru prasekolah yang dijadikan sampel dalam kajian ini. Melalui personaliti *Big Five* yang mana ianya mengetengahkan lima faktor utama dalam model ini.





Antara faktor utama yang terdapat dalam personaliti *Big Five* ialah *extroversion*, *agreeableness*, *conscientiousness*, *neuroticism*, dan *openness*. Kelima-lima faktor ini digunakan oleh pengkaji untuk melihat perhubungan dengan prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah. Prestasi kerja yang diguna pakai oleh pengkaji adalah penghasilan kerja.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerjaya sebagai guru prasekolah adalah sangat mencabar bagi seorang yang bergelar pendidik. Hal ini adalah kerana guru prasekolah hendaklah mempunyai kredibiliti atau pun personaliti yang tinggi untuk menjadi seorang guru prasekolah yang berkualiti dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Bauer (2008); Sanja dan Irena (2013) menyatakan bahawa contoh personaliti seseorang guru prasekolah yang berkesan adalah seperti bersifat peramah, berdedikasi, mempunyai sifat sukakan kanak-kanak dan gigih bekerja. Selain itu, menurut Sanja dan Irena (2013) orang dewasa sentiasa mengingati guru yang mereka gemari sewaktu mereka berada di alam prasekolah, hal ini di mana personaliti guru sewaktu mengajar serta cara pengajaran dan cara pemakaian akan mempengaruhi minat kanak-kanak sewaktu di dalam kelas. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa pengalaman individu sewaktu berada di prasekolah mempengaruhi tahap personaliti guru.





Di samping itu, personaliti dapat dikaitkan juga dengan ciri-ciri seperti pemikiran, emosi dan perasaan perlakuan manusia. Kerjaya dalam bidang perguruan sangat menitikberatkan personaliti individu, hal ini di mana personaliti merupakan tunjang utama dalam melihat persepsi dan pemilihan kerjaya yang sesuai dalam kalangan individu. Dalam menjadikan seseorang yang bergelar guru prasekolah kestabilan emosi serta ilmu pengetahuan yang luas serta dapat menjalankan tugas di luar bidang dan berkemahiran tinggi dengan kanak-kanak merupakan penanda aras nilai personaliti yang tinggi yang terdapat dalam diri guru prasekolah (Zulelawati Bujang & Yusni Zainal Yusof, 2015). Malahan perkara ini sejajar dengan kajian lepas yang menyatakan bahawa sifat peramah, mudah mesra dan penyayang dapat menarik minat kanak-kanak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta pengaruh personaliti dalam perkembangan kanak-kanak (Nor Azrin, 2005; Decker & Kaufman,



Melalui pengertian personaliti iaitu merujuk kepada perwatakan, keperibadian atau sahsiah diri, ia juga dirujuk sebagai pola-pola tingkah laku yang dijelmakan dalam kehidupan harian setiap individu dan ia juga dikaitkan dengan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang guru seperti sabar kreatif dalam pengajaran dan bertimbang rasa merupakan sifat yang perlu ada dalam diri seorang guru terutamanya guru prasekolah agar dapat menarik minat kanak-kanak (Mishel, 1968; Azhani, 2008 ; & Zulelawati Bujang & Yusni Zainal Yusof, 2015).





Menurut ahli psikologi Eysenck (1947), yang menerangkan berkaitan personaliti dengan ciri-ciri seperti pemikiran, emosi, dan perasaan perlakuan manusia. Selain itu, Eysenck juga berpendapat personaliti sebagai salah satu sifat keperibadian yang sering dikaitkan dengan perwatakan individu. Malahan, melalui teori personaliti yang diperkenalkan oleh Eysenck yang mana dia mengemukakan tiga ciri personaliti utama iaitu *neuroticism*, *extroversion* dan *psychoticism*.

Dalam kajian personaliti guru prasekolah dilihat melalui ciri-ciri dimensi personaliti taksonomi *Big Five* yang telah digunakan secara meluas dalam kajian berkenaan personaliti. Melihat dengan teliti nilai-nilai yang terdapat dalam Standard amalan nilai profesionalisme keguruan (Standard Guru Malaysia, 2012), menyatakan bahawa unsur-unsur keperibadian guru amat dititikberatkan. Contohnya, nilai-nilai keperibadian dalam domain profesion perguruan mengutamakan aspek-aspek berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja sepasukan, proaktif, kreatif dan inovatif. Hal ini, berkait rapat dengan profesion seorang guru pendidikan awal kanak-kanak.

Penekanan terhadap ciri-ciri personaliti dalam tahap prestasi kerja terutamanya bagi yang bergelar guru amatlah penting. Sejajar dengan dimensi yang terdapat dalam personaliti *Big Five* yang mengetengahkan ciri-ciri seperti *conscientiousness*, *openness*, *extroversion*, *agreeableness*, dan *neuroticism* amatlah bersesuaian. Hal ini dapat dilihat dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan personaliti dan prestasi kerja melalui kajian yang dilakukan oleh Azilah Rahman (2010) yang mana dapat dilihat ciri personaliti seperti *extroversion*, *neuroticism* dan *conscientiousness* merupakan ciri yang dominan berbanding dengan ciri *agreeableness* dan *openness*. *Big Five* sentiasa





digunakan secara tekal berbanding konstruk personaliti yang lain. Di samping itu, Roberts dan Del Vecchio (2000) menyatakan bahawa penggunaan *Big Five* dalam menentukan personaliti konsisten setiap masa.

Melalui personaliti *Big Five* yang digunakan oleh pengkaji, perkara ini dapat melihat perkaitan di antara prestasi kerja. Melalui prestasi kerja juga pengkaji dapat mengukur tahap prestasi kerja terutamanya prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah. Hal ini terbukti dalam kajian yang dijalankan oleh Nurul, Ma'rof dan Noor (2016) yang mana hasil keputusan analisis deskriptif yang diperolehi menunjukkan tahap prestasi kerja pemimpin Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa perkaitan antara personaliti dengan prestasi kerja amat tinggi. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa ciri personaliti *Big Five*



memberi peranan yang amat penting dalam mencari perhubungan dengan prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah. Aspek penekanan terhadap ciri personaliti dengan prestasi kerja guru amat relevan untuk menjalankan sesebuah kajian.

1.3 Pernyataan Masalah

Kebanyakan para guru prasekolah pada masa kini tidak dapat menerima perubahan yang berlaku dalam kurikulum yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian. Hal ini di mana, individu yang bergelar guru hanya menganggap bahawa profesion perguruan merupakan pilihan terakhir untuk mereka mendapat pekerja pada masa kini (Muhaya Muhamad, 2015). Malahan disebabkan tiada minat dalam menjadi seorang pendidik mereka ini terjebak melakukan perkara yang





terlarang seperti yang disiarkan di media massa berkenaan guru tadika mengedar dadah yang berlaku di Miri Sarawak (Astro Awani, 2017). Hal ini, secara tidak langsung dapat menjejaskan kredibiliti setiap individu yang bergelar guru.

Hal ini tidak hanya tertumpu kepada guru sekolah menengah dan sekolah kebangsaan sahaja, bahkan ianya juga turut melibatkan individu yang bergelar guru prasekolah. Selain itu, guru prasekolah tidak mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengadaptasi serta menunjukkan minat yang sedikit terhadap perubahan yang telah dilakukan dalam kurikulum yang digunakan serta mereka ini masih lagi terikat dengan silibus yang diberi dengan erti kata yang lain guru ini tidak mempunyai personaliti yang kreatif dan tidak mempunyai sifat *openness* dalam menerima segala cabaran dalam pendidikan (Burgess & Petterson, 2010; Brodin & Renblad, 2014).



Masalah kecelaruan personaliti dalam kalangan guru pada masa sekarang amat dititikberatkan oleh pihak-pihak berwajib. Hal ini terbukti bahawa kenyataan yang diluahkan oleh Raja Muda Perlis yang mana tuanku berharap setiap guru mempunyai tahap pengetahuan dan ciri-ciri personaliti yang cemerlang untuk menghadapi cabaran mengajar pada masa kini (Utusan, 2014).

Malahan cabaran pada masa kini dalam bidang pengajaran perlu disokong dengan ciri personaliti yang tinggi yang terdapat dalam diri individu yang bergelar guru seperti bersikap adil, amanah dalam menjalankan tugas, sentiasa positif dan mampu menarik minat pelajar dalam memajukan diri mereka. Selain itu, personaliti yang rendah dalam diri individu terutamanya bagi guru prasekolah akan





mengakibatkan mereka ini mempunyai perasaan malu apabila bergelar guru prasekolah ataupun guru tadika (Abdul Razak, 2017).

Selain itu, bebanan serta tekanan kerja yang diberikan kepada guru prasekolah amat berat dari masa ke masa. Hal ini menyebabkan guru tidak dapat melakukan sesi refleksi selepas proses pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak kerana dihujani beban kerja yang berat dan guru prasekolah mengalami *stress* dalam melakukan kerja mereka dari hari ke hari (Norhalimatun Saadiah 2011; Norhanan, Nor & Zaharah 2015). Apabila perkara ini berlaku kepada guru prasekolah ianya akan menjejaskan prestasi kerja mereka dan mereka ini tidak dapat menyediakan pengajaran yang holistik (The Swedish Schools Inspectorate, 2011, p.3; Brondin & Renblad 2014).



Masalah masa sering berlaku dalam kalangan guru prasekolah pada masa kini dan menyebabkan guru prasekolah kurang mengamalkan pendekatan pengajaran mengikut amalan yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak (Halim, 2014). Kekangan masa yang dihadapi oleh guru prasekolah boleh menyebabkan tahap prestasi kerja guru ini berada pada tahap yang rendah dan hal ini dapat menjejaskan kualiti serta komitmen dalam menghasilkan kerja yang baik dalam kalangan kanak-kanak prasekolah (The Swedish Inspectorate Schools, 2011, p.3).

Secara keseluruhannya, pengkaji ingin melihat objektif kajian yang berlandaskan permasalahan-permasalahan berkaitan dengan tahap ciri-ciri personaliti guru prasekolah berpandukan model *Big Five Personality* yang mengetengahkan *Big Five Personality* utama iaitu *extroversion*, *agreableness*, *conscientiousness*,





neuroticism dan *openness* dalam kalangan guru prasekolah serta penyelidik juga ingin melihat tahap prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah melalui penghasilan kerja.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang ingin dikaji berkenaan dengan hubungan antara personaliti dengan tahap prestasi kerja dalam kalangan guru prasekolah.

1. Mengenal pasti tahap personaliti *Big Five* (*extroversion*, *agreeableness*, *conscientiousness*, *neuroticism* dan *openness*) dalam kalangan guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.
2. Mengenal pasti tahap prestasi kerja (penghasilan kerja) dalam kalangan guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.
3. Mengenal pasti hubungan antara personaliti *Big Five* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.
 - i. Mengenal pasti hubungan antara personaliti *extroversion* dengan prestasi guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.
 - ii. Mengenal pasti hubungan antara personaliti *agreeableness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.
 - iii. Mengenal pasti hubungan antara personaliti *conscientiousness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.
 - iv. Mengenal pasti hubungan antara personaliti *neuroticism* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.





- v. Mengenal pasti hubungan antara personaliti *openness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang hendak dikaji berdasarkan objektif kajian dalam kajian ini adalah:

1. Apakah tahap personaliti *Big Five* (*extroversion*, *agreeableness*, *conscientiousness*, *neuroticism* dan *openness*) dalam kalangan guru prasekolah?
2. Apakah tahap prestasi kerja (penghasilan kerja) dalam kalangan guru prasekolah di daerah Manjung, Perak?



3. Adakah terdapat hubungan antara personaliti *Big Five* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak?

- i. Adakah terdapat hubungan di antara personaliti *extroversion* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah manjung, Perak?
- ii. Adakah terdapat hubungan di antara personaliti *agreeableness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara personaliti *conscientiousness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak?
- iv. Adakah terdapat hubungan di antara personaliti *neuroticism* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak?
- v. Adakah terdapat hubungan di antara personaliti *openness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak?





1.6 Hipotesis Kajian

Untuk Persoalan kajian 3i, 3ii, 3iii, 3iv dan 3v hipotesis kajian adalah seperti yang berikut:

Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *Big Five* dengan prestasi kerja guru prasekolah.

Hipotesis penyelidikan untuk Persoalan Kajian 3i:

- i. Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *extroversion* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.

Hipotesis penyelidikan untuk Persoalan Kajian 3ii:

- ii. Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *agreeableness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.



Hipotesis penyelidikan untuk Persoalan Kajian 3iii:

- iii. Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *conscientiousness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.

Hipotesis penyelidikan untuk Persoalan Kajian 3iv:

- iv. Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan prestasi guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.

Hipotesis penyelidikan untuk Persoalan Kajian 3v:

- v. Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *openness* dengan prestasi kerja guru prasekolah di daerah Manjung, Perak.





1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan serta dapat membantu beberapa pihak ataupun institusi yang berkeperluan dalam meningkatkan potensi pengajaran serta dapat menarik tumpuan kanak-kanak dengan merujuk kepada kepentingan–kepentingan seperti berikut:

1.7.1 Personaliti Guru Terhadap Kanak-Kanak

Merujuk kepada kepentingan kajian berkenaan personaliti guru prasekolah terhadap kanak-kanak ia dapat menarik minat kanak-kanak dalam sesi proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini di mana kanak-kanak dapat memberi tumpuan yang sangat tinggi apabila seseorang guru itu mempunyai personaliti yang menarik dari pelbagai aspek seperti pemakaian, tanggungjawab terhadap tugas, perasaan dan emosi. Selain itu, melalui personaliti seorang guru prasekolah dapat memahami diri mereka serta membentuk perkembangan kanak-kanak secara berkesan dalam usaha meningkatkan keinginan kanak-kanak terhadap setiap mata pembelajaran yang diajar di sekolah. Malahan personaliti seseorang guru prasekolah yang tinggi akan menjadikan beliau seorang *role model* dalam kalangan kanak-kanak.

Aspek personaliti yang terdapat dalam diri guru prasekolah dapat dilihat melalui ciri personaliti *Big Five* di antaranya ialah *extroversion*, *agreeableness*, *conscientiousness*, *neuroticism*, dan *openness*. Melalui personaliti *extraversion*, dapat dilihat seorang guru akan memiliki tahap keselesaan terhadap perhubungan mereka

